



For immediate release

MEDIA STATEMENT

THINK TANKS: URGENTLY ADDRESS WORKPLACE CLUSTERS TO AVOID KLANG VALLEY CATASTROPHE IN OTHER STATES

Kuala Lumpur, 20 August 2021 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) and Bait Al-Amanah call upon the incoming government to urgently and effectively address COVID-19 workplace clusters in tackling the ongoing pandemic. We need the incoming government to take action to prevent other states in Malaysia from experiencing the same catastrophe plaguing the Klang Valley. We call for proactive measures based on research and scientific data to prevent our public healthcare system from a complete collapse, bearing in mind that other states have less well-equipped public healthcare systems than in Selangor and Kuala Lumpur.

We support the [research findings](#) of Penang-based Stanford mathematician Dr. David Benjamin Lim, calculated based on mathematical models using data from the official Ministry of Health GitHub. The findings highlight the significant contribution of workplace clusters to the basic reproduction number, R_0 of Penang, Johor and Negeri Sembilan during the first 6 weeks of total lockdown initiated on the 1st of June 2021. The same argument can be made for the Klang Valley for the first 4 weeks of the total lockdown.

In brief, there is strong evidence that the COVID-19 spread would have decreased if there were no more workplace clusters during this time period. Hence, the recent claim by our former Minister of International Trade and Industry that the contribution of the manufacturing sector to daily cases is minimal is inaccurate. More precisely, just because a particular group of people make up a small percentage of all COVID-19 cases, it does not mean that they cannot be the source of the problem. The main reason for this is that it is entirely possible for there to be a small subset of the population that is very infectious (have very high R_0), and therefore contributes significantly to the total COVID-19 reproduction rate of Malaysia.

Moving forward, Malaysia should implement targeted measures at these workplace clusters and learn from the past ineffective blanket lockdown. We cannot keep enforcing the same measures over and over again, expecting a change in results. We cannot keep punishing entire businesses and sectors with no reported clusters, especially outdoor businesses with ample ventilation. Only granular data will be able to tell us which specific sectors are contributing clusters.



Instead, we propose several measures to tackle the workplace clusters:

- i) Targeted lockdown on factories with active Covid-19 clusters;
- ii) Establish proper accommodation for migrant workers with adequate living conditions and proper physical distancing by fully enforcing the Employees' Minimum Standards of Housing, Accommodations and Amenities (Amendment) Act 2019 (Act 446);
- iii) A rostered routine testing (RRT) regime, where workers will be tested for Covid-19 every two weeks;
- iv) Isolate suspected or positive COVID-19 cases at a dedicated point similar to self-quarantine;
- v) Where possible, workplaces should promote good ventilation practices to reduce COVID-19 airborne transmission;
- vi) Increase vaccination efforts targeting industry players, local and migrant workers; and
- vii) Increase enforcement on illegal factories that employ undocumented migrant workers without the rightful measures in place.

In addition to the recommendations above based on the research findings, we also propose the need to plan ahead to boost our ICU capacity. This can be done by rapidly constructing purpose-built ICU facilities with High Dependency Units located near major hospitals, based on expertise from other nations.

Finally, we call for open and transparent data sharing for a whole-of-society approach to effectively address the COVID-19 spread. It is highly important to openly share granular data especially on the specific sectors of the workplace clusters, including factories and construction sites. In addition, data on infected patients must be granular too, down to district level including necessary features of Covid-19 patients such as comorbidities for better estimation of the local ICU capacity needed (unique identifiers of the patients should be removed to maintain confidentiality).

Malaysia needs a fresh and effective approach to national strategies, grounded in science and data. We need to plan beyond unending lockdowns which have multitudinous repercussions. We must also adopt this approach given the very real possibility that new vaccine-resistant variants of concern (VOC) may emerge. With COVID-19 becoming endemic, we need to employ a stronger whole-of-society approach with increased public engagement. We must use accurate, granular data to direct us towards proper targeted measures. Let the best minds of our nation lead us out of this crashing public health and economic catastrophe, before it is too late.

--- END ---



BAIT AL-AMANAH
House of Trust



INSTITUTE FOR DEMOCRACY AND ECONOMIC AFFAIRS

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a non-profit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

zokhri@ideas.org.my

About Bait Al-Amanah

Bait Al-Amanah is an independent research institute that promotes policy and decision-making through sound, independent and multidisciplinary analysis in areas of governance and democracy, economics, security, and issues of national importance. Bait Al-Amanah also provides consulting services in Political & Economic Risk, Leadership, Social Development & Sustainability and Media, Big Data & Technology. For more information, visit <https://baitalamanah.com/>.

For enquiries, please contact:

Cellini Basri

Head of External Relations

cellinibasri.alt@gmail.com



Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

KUMPULAN BADAN PEMIKIR: KLUSTER TEMPAT KERJA PERLU DITANGANI SEGERA UNTUK MENGELAKKAN TRAGEDI LEMBAH KLANG DARIPADA BERULANG DI NEGERI-NEGERI LAIN

Kuala Lumpur, 20 Ogos 2021 - Institut Demokrasi dan Hal-Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan Bait Al-Amanah mendesak bakal kerajaan baharu supaya segera menangani kluster-kluster COVID-19 di tempat kerja dalam usaha mengawal pandemik ini. Kami juga menyeru bakal kerajaan supaya segera bertindak untuk mengelakkan negeri-negeri lain di Malaysia daripada mengalami musibah kesihatan yang berlaku di Lembah Klang. Malaysia memerlukan langkah-langkah proaktif berasaskan kajian dan data saintifik untuk mengelak keruntuhan sistem kesihatan awam kita, dan menjadi iktibar kepada kesihatan awam di negeri-negeri lain yang kurang kelengkapan berbanding di Selangor dan Kuala Lumpur.

Kami menyokong [hasil kajian](#) seorang pakar matematik Stanford yang berasal dari Pulau Pinang, Dr. David Benjamin Lim, yang membina model matematik berdasarkan data rasmi daripada GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia. Penemuan beliau menunjukkan kluster tempat kerja menyumbang besar kepada kadar keboleh-jangkitan (R_0) di Pulau Pinang, Johor dan Negeri Sembilan dalam 6 minggu pertama pelaksanaan penutupan dan penyekatan atau *lockdown* yang dimulakan pada 1 Jun 2021. Hujah yang sama boleh diketengahkan untuk Lembah Klang dalam 4 minggu pertama penguatkuasaan *lockdown*.

Hal ini demikian, terdapat bukti kukuh jika tiada lagi kluster tempat kerja dalam jangka masa tersebut - penularan COVID-19 dapat dikurangkan. Oleh itu, dakwaan bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri baru-baru ini yang menyatakan sektor perkilangan hanya menyumbang sedikit kepada bilangan kes harian adalah tidak tepat. Sebaliknya, walaupun suatu kumpulan itu hanya menyumbang peratusan yang kecil kepada keseluruhan bilangan kes COVID-19, tidak bermakna kumpulan ini tidak berpotensi untuk menjadi punca utama penularan. Terdapat kebarangkalian bahawa sebuah subset kecil dalam masyarakat boleh memiliki kadar kebolehyangkitan yang tinggi dan menjadi penyumbang besar kepada penularan keseluruhan COVID-19 di Malaysia.

Seterusnya, Malaysia perlu melaksanakan strategi yang lebih bersasar terhadap kluster-kluster tempat kerja dan belajar daripada kegagalan *lockdown* menyeluruh ini. Kita tidak boleh terus menguatkuasakan langkah-langkah yang sama berulang kali dan mengharapkan perubahan. Kita tidak boleh terus menghukum semua perniagaan dan sektor yang tidak mewujudkan sebarang kluster, terutama perniagaan yang beroperasi di luar dengan pengudaraan yang lancar. Hanya dengan data terperinci kita boleh mengenalpasti sektor-sektor yang mencetuskan kluster-kluster.



Dengan itu, kami mencadangkan beberapa langkah untuk menangani kluster tempat kerja:

- i) *Lockdown* bersasar yang memfokuskan kilang-kilang yang mencetuskan kluster aktif COVID-19;
- ii) Pembinaan fasiliti penginapan untuk pekerja asing dengan keadaan selamat, selesa dan mematuhi protokol penjarakan sosial, serta menguatkuasakan Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pindaan) 2019 (Akta 446);
- iii) Pelaksanaan ujian rutin berjadual atau *rostered routine testing* (RRT), di mana para pekerja akan menjalani ujian COVID-19 setiap dua minggu;
- iv) Pengasingan kes-kes suspek atau positif di sebuah lokasi ditetapkan, sama seperti amalan kuarantin sendiri;
- v) Peningkatan usaha vaksinasi bersasar kepada golongan industri, pekerja tempatan dan pekerja asing; dan
- vi) Peningkatan penguatkuasaan terhadap kilang-kilang haram yang menggajikan pekerja-pekerja asing tanpa izin yang tidak mematuhi langkah-langkah sepatutnya

Selain daripada cadangan-cadangan yang dibentangkan berdasarkan penemuan penyelidikan, kami juga menekankan keperluan untuk mengukuh dan meningkatkan kapasiti ICU di hospital. Langkah ini boleh dijalankan dengan mempercepat pembinaan fasiliti ICU dengan Unit Kebergantungan Tinggi (High Dependency Unit) berhampiran hospital-hospital utama, berdasarkan kepakaran dan pengalaman negara-negara maju.

Akhir sekali, kami menyeru untuk perkongsian data secara terbuka dan telus bagi menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam menangani penularan COVID-19 secara efektif. Adalah amat penting sekali untuk kerajaan berkongsi data terperinci, terutama berkenaan sektor-sektor terlibat dalam kluster tempat kerja, termasuklah kilang-kilang dan tapak pembinaan. Selain itu, data pesakit yang dijangkiti juga haruslah terperinci sehingga ke peringkat daerah, termasuk maklumat penting pesakit seperti kumpulan umur dan komorbiditi. Semua ini adalah demi penganggaran keperluan ICU yang lebih tepat (namun maklumat unik pesakit tidak perlu disertakan untuk melindungi identiti pesakit).

Sudah tiba masanya untuk strategi negara kita menggunakan pendekatan yang lebih baharu dan efektif berdasarkan sains dan data. Kita perlu berpandangan jauh dan merancang selain daripada pelaksanaan *lockdown* yang menimbulkan pelbagai masalah lain. Pendekatan baharu ini diperlukan kerana terdapat kebarangkalian besar bahawa varian COVID-19 yang kebal vaksin bakal muncul. Dengan penerimaan COVID-19 sebagai endemik, kita mesti melaksanakan usaha yang melibatkan seluruh masyarakat awam. Oleh itu, kita memerlukan data yang tepat dan terperinci untuk membimbing kita ke arah langkah-langkah yang lebih bersasar dan efektif. Semoga golongan pakar dan bijak pandai di Malaysia dapat mengeluarkan Malaysia daripada krisis kesihatan dan ekonomi ini, sebelum semuanya terlambat.

--- TAMAT ---



BAIT AL-AMANAH
House of Trust



INSTITUTE FOR DEMOCRACY AND ECONOMIC AFFAIRS

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal-Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar, IDEAS

zokhri@ideas.org.my

Mengenai Bait Al-Amanah

Bait Al-Amanah merupakan sebuah institusi penyelidikan bebas yang menyokong penggubalan dasar dan pembuatan keputusan melalui kajian dan analisis yang kukuh, bebas dan merentasi pelbagai disiplin dalam bidang tadbir urus, demokrasi, ekonomi, keselamatan serta isu-isu berkepentingan nasional. Bait Al-Amanah juga menyediakan perkhidmatan rundingan dalam Risiko Politik & Ekonomi, Pembangunan Sosial & Kelestarian serta Media, Analisis Data Raya & Teknologi. Untuk maklumat lanjut, layari <https://baitalamanah.com/>.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Cellini Basri

Ketua Perhubungan Luar

cellinibasri.alt@gmail.com